

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (BISNES)

TARIKH: 07 MAC 2018

MUKA SURAT: 73

Kuala Lumpur

ABM terus sokong, sedia pinjaman perumahan

Persatuan Bank-Bank di Malaysia (ABM) akan terus menyokong dan menyediakan pinjaman perumahan kepada pembeli rumah yang layak, termasuk pembeli rumah kali pertama serta segmen mampu milik.

ABM berkata, ini dibuktikan oleh jumlah kelulusan pinjaman keseluruhan yang tinggi daripada bank sebanyak RM161 bilion untuk pembiayaan rumah kepada lebih 375,000 peminjam pada 2017.

“Pembiayaan masih diberikan kepada peminjam yang layak memandangkan 71 peratus peminjam membabitkan pemilik rumah mampu milik kali pertama dan ini diperkukuh lagi dengan kadar kelulusan pinjaman perumahan sebanyak 73 peratus pada 2017,” katanya dalam kenyataan dikeluarkan, semalam.

ABM menekankan bahawa pembeli rumah perlu menyedari kelayakan dan kemampuan mereka berdasarkan kedudukan kewangan semasa dan memilih hartanah berdasarkan kedudukan itu.

“Sebab utama penolakan permohonan pinjaman termasuk kekurangan pendapatan untuk menyokong jumlah pinjaman yang digunakan, komitmen kewangan yang tinggi berbanding pendapatan, sejarah kredit yang buruk, dokumentasi lemah atau rekod perbankan dan ketidakupayaan untuk membayar pinjaman itu,” katanya.